



## Sinopsis Buku Bibik, Mentor Kewanganku (2023) Oleh Dr. Ahmad Rahman Songip

Buku ini berdasarkan suatu kisah benar yang berlaku kepada penulis buku. Ianya menjadi asas kepada satu proses mentransformasi rezeki secupak menjadi segantang yang dikenali sebagai **F.I.S.H.** (*Financial Independence, Strong and Healthy* atau Kebebasan Kewangan yang Kukuh dan Sihat).

Kandungan buku ini bertepatan dengan saranan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim untuk menoktahkan kemiskinan tegar dalam **Belanjawan 2023** dan juga dalam bukunya, **Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi (2023)** berkaitan dengan Dasar Rukun MADANI yang keenam, iaitu Ihsan: "...memartabatkan semua anggota masyarakatnya daripada sudut aspek ekonomi, kewangan, sikap dan tingkah laku." (ms 130)

**F.I.S.H.** yang bermakna ikan, menggambarkan kebebasan. Ikan tidak perlu risau tentang rezekinya. Gerombolan ikan bersaiz besar seperti ikan dolfin, menggunakan kaedah saintifik semulajadi *echolocation* untuk saling bekerjasama mengesani lokasi, mengepung dan menikmati rezeki mereka di dalam lautan.

Menurut Imam Al-Ghazali, manusia dicipta oleh Allah SWT dengan tiga komponen iaitu jasmani, rohani dan jiwa. Jiwa yang menjadi penghubung antara jasmani dan rohani pula terbina dari tiga asas iaitu *aqal*, *qalbu* dan *hawa nafsu*.

Kunci kepada transformasi kaedah **F.I.S.H.** adalah pengurusan *qalbu*, yang menjadi intipati dalam buku ini. Seperti kaedah *echolocation* oleh ikan dolfin, pengurusan *qalbu* memerlukan kaedah saintifik supaya ianya berkesan dan mengarah kepada kejayaan dalam pengurusan diri dan seterusnya kejayaan dalam proses mentransformasi rezeki secupak menjadi segantang.

Buku ini menggariskan kaedah praktikal untuk memahami dan melaksanakan segala perubahan yang perlu berlaku dalam menuju destinasi kebebasan kewangan. Pembahagian kandungannya pula disusun dan dibahagikan kepada **Empat Bahagian**.

**Bahagian I** menyatakan objektif dan konteks buku ini. Maklumat asas mengenai *qalbu* diterangkan dalam **Bahagian II**. Setelah itu, **Bahagian III** menggariskan proses yang perlu dilaksanakan untuk mentransformasi *qalbu* sehingga ianya bersedia untuk membantu mencapai segala matlamat yang diingini.

**Bahagian IV** pula mencadangkan gerak kerja secara terperinci yang boleh dilakukan secara praktikal sehinggalah matlamat buku ini dicapai, iaitu mencapai kebebasan kewangan.

Proses transformasi kaedah **F.I.S.H.** ini didokong secara berterusan melalui portal [www.fish4wealth.net](http://www.fish4wealth.net). Portal ini menyediakan banyak bahan-bahan terkini dalam bentuk bahan bacaan, video dan perbincangan *webinar* yang boleh dinikmati secara percuma. Bahan-bahan sokongan terkini ini amat sesuai bagi membantu para pembaca untuk terus mengasah dan mengurus *qalbu* secara berterusan.